

BERITA HARIAN

DATE: 3 / 1 / 2008

PM ucapkan terima kasih

Keputusan Dr Chua lepas jawatan dianggap tindakan bertanggungjawab

BH - 3/1/2008

Oleh Wan Hazmir Bakar
dan Haika Khazi

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti berikutan pendedahan dan pengakuan rakaman aksi seksnya dengan seorang wanita tersebar menerusi cakera video digital (DVD), sebagai wajar.

Malah, Perdana Menteri berterima kasih kepada bekas Menteri Kesihatan itu kerana membuat keputusan terbabit selepas mengambil kira kesan buruk yang mungkin menimpa kerajaan serta parti jika beliau terus memegang jawatan berkenaan.

"Atas sikap dia terhadap parti dan kerajaan itu, saya ucap terima kasih. Beliau mengambil tanggungjawab terhadap apa yang berlaku.

"Saya lihat itu keputusan wajar memandangkan perkembangan negatif yang berlaku dalam masa yang begitu singkat mengenai isu ini," katanya pada sidang media khas di Pejabat Perdana Menteri di sini, petang semalam.

Ia diadakan kira-kira tiga jam selepas Dr Chua mengadakan sidang media mengumumkan keputusan beliau melepaskan semua jawatan itu berkuat kuasa serta-merta, sehari selepas membuat pengakuan beliau adalah individu dalam (DVD terbabit dan menegaskan beliau tidak akan berundur.

Berita Harian dimaklumkan, Perdana Menteri menerima surat peletakan jawatan Dr Chua apabila kembali ke pejabatnya selepas sidang media khas itu.

Kelmarin, Dr Chua mengaku beliau adalah individu dalam rakaman DVD yang mengandungi aksi seks seorang lelaki dengan wanita, yang kini tersebar luas di Johor.

Ditanya jika mesyuarat Kabinet semalam membincang atau membuat keputusan berhubung kedudukan Dr Chua, Abdullah berkata: "Tak bincang, apa lagi kerana ini berkaitan peribadi beliau. Beliau juga hadir dalam mesyuarat itu, tetapi tidak sebut apa-apa".

Mengenai pengganti atau pemangku Menteri Kesihatan, Perdana Menteri, berkata beliau akan berbincang dengan Presiden MCA, Datuk Seri

Ong Ka Ting, kerana jawatan berkenaan adalah untuk pemimpin daripada parti berkenaan.

Ditanya peringatan beliau kepada Menteri Kabinet dan anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) lain berhubung kesalahan moral, Abdullah berkata, mereka sedar kepentingan memastikan diri masing-masing sentiasa bersih daripada kesalahan sedemikian.

"Ini amat penting kerana rakyat mengharap kita bukan saja dapat bekerja kuat, melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab serta baik, tetapi isu moral juga akan diambil kira oleh rakyat. Cuma sejauh mana, setakat mana," katanya.

Abdullah yang juga Pengerusi BN, berkata isu membabitkan Dr Chua itu tidak akan menjejaskan persiapan untuk pilihan raya umum akan datang kerana semua jentera pilihan raya berjalan seperti biasa dan tidak kekurangan tenaga yang diperlukan.

Perdana Menteri berkata, peletakan jawatan Dr Chua juga tidak akan menjejaskan pelbagai rancangan pembangunan kerajaan berkaitan

Kementerian Kesihatan untuk tahun ini kerana ia boleh diputuskan je-maah Menteri.

Perdana Menteri yang mengakui terkejut apabila diberitahu mengenai rakaman video itu kelmarin berkata, tiada tindakan lanjut akan diambil terhadap Dr Chua dan beliau juga tidak mahu membuat sebarang andaian berhubung kes itu.

Bagaimanapun, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, pihak polis tentunya akan menyiasat kes berkenaan kerana perbuatan merakam dan men-gedar video sedemikian adalah satu kesalahan jenayah.

"Saya tahu polis sudah pun dimaklumkan dan mereka memahami apa yang berlaku. Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, sudah maklumkan kepada saya mengenai perkara ini," katanya.

Ditanya apakah beliau ada menyaksikan sendiri rakaman video itu, Abdullah berkata: "Tak ada makna jika saya nak tengok. Buat apa saya nak tengok kerana orang yang berkenaan sudah membuat kenyataan yang jelas. Sekarang ini biar semua orang faham."